



**Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

PEKELILING KETUA EKSEKUTIF BILANGAN 1 TAHUN 2026

**PENANGGUHAN SEMENTARA PELAKSANAAN PENGGUNAAN PENARAFAN
TUNGGAL PROGRAM TVET SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA KRITERIA AGIHAN
DANA SYARAT ASAS KEMUDAHAN PINJAMAN PTPK BAGI TAHUN 2026**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan berhubung penangguhan sementara pelaksanaan penggunaan penarafan tunggal program TVET sebagai sebahagian daripada kriteria agihan dan syarat asas kemudahan pinjaman PTPK bagi tahun 2026.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Merujuk kepada Pekeliling Ketua Eksekutif Bilangan 3 Tahun 2025 berhubung Pelaksanaan Pendaftaran Dalam Talian Serta Pengagihan Dana Berdasarkan Kriteria Program Tahun 2026 yang mana menetapkan agihan dana kepada Penyedia Latihan adalah tertakluk kepada pematuhan kriteria dan syarat asas bagi mendapatkan kemudahan pinjaman daripada PTPK.
- 2.2 Antara salah satu kriteria dan syarat yang ditetapkan adalah **“Mendapat sekurang-kurang penarafan 3 bintang (Berdaya Maju) berdasarkan Penilaian Prestasi JPK bagi setiap program yang dimohon”**.

- 2.3 Satu kerjasama strategik melalui Integrasi Data antara kedua-dua agensi bagi membolehkan PTPK mendapatkan maklumat Penarafan Bintang bagi program yang dimohon.
- 2.4 Selepas tarikh pembukaan pendaftaran pelatih secara talian pada 9hb. Januari, 2026, PTPK telah menerima aduan daripada Penyedia Latihan yang terkesan akibat daripada maklumat status Penarafan Bintang tidak dipaparkan di dalam Sistem Permohonan Pinjaman *Online* PTPK. Ini telah menyebabkan pihak Penyedia Latihan tidak dapat mewujudkan Jadual Kursus walaupun program tersebut telah mendapat keputusan daripada JPK berstatus 3 bintang ke atas.

3. ISU PELAKSANAAN PENGGUNAAN PENARAFAN TUNGGAL PROGRAM TVET

- 3.1 Pelaksanaan Integrasi Data antara kedua agensi ini telah selesai dibangunkan pada 30 Disember 2025 yang mana data penarafan tunggal bagi program TVET tahun 2025 yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah disimpan dalam dalam Sistem Permohonan Pinjaman *Online* PTPK.
- 3.2 PTPK mendapati bahawa pelaksanaan ini masih belum dapat disempurnakan pelaksanaannya adalah disebabkan isu-isu yang berikut :
 - 3.2.1 Masih terdapat penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap integrasi data melalui sistem berhubung maklumat keputusan penarafan tunggal antara sistem JPK dan PTPK;
 - 3.2.2 Pihak JPK memerlukan masa bagi memberikan maklumat kepada PTPK senarai program yang tidak layak dinilai atas sebab program baharu, Pusat Bertauliah baharu diluluskan pentauliahkan dengan PTPK yang tidak mempunyai pelatih yang telah menamatkan latihan.
- 3.3 Sehubungan itu, bagi memberi ruang kepada penambahbaikan integrasi dapat dijalankan, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran dan Agihan, Bilangan 1 Tahun 2026, telah bersetuju untuk penangguhan sementara pelaksanaan program TVET sebagai sebahagian daripada kriteria agihan dan syarat asas kemudahan pinjaman PTPK bagi tahun 2026 **ditangguhkan sehingga 31 Mac 2026 (Selasa)**.

- 3.4 Walau bagaimanapun, kriteria-kriteria lain yang ditetapkan bagi pengagihan peruntukkan bagi tahun 2026 adalah terpakai.

4. TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Semua Penyedia Latihan yang berdaftar dengan PTPK dikehendaki untuk menyemak status Penarafan Tunggal bagi program yang telah diluluskan di dalam Sistem Permohonan Pinjaman *Online* PTPK daripada masa ke semasa.
- 4.2 Sekiranya terdapat perbezaan maklumat keputusan Penarafan Tunggal yang dipaparkan dalam Sistem MySPIKE JPK dan Sistem Pengurusan Pinjaman, PTPK maka, PL hendaklah memaklumkan kepada pihak PTPK dengan mengemukakan salinan sijil keputusan Penarafan Tunggal bagi program TVET menerusi alamat email helpdesk-pembiayaan@ptpk.gov.my.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling Ketua Eksekutif ini berkuat kuasa mulai **23hb. Januari, 2026 (Jumaat)**.

6. PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua Penyedia Latihan Kemahiran Awam dan Swasta yang berdaftar serta mendapat kelulusan daripada PTPK.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menandatangani amanah,


(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Tarikh : **23** Januari 2026